

PERJUANGAN PEMIMPIN TEMPATAN MENENTANG BRITISH

Oleh
Dr. Noraini binti Mohamed Hassan
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
ainnorima@um.edu.my

Pengenalan

Perbincangan mengenai perjuangan pemimpin tempatan menentang British dimuatkan dalam Bab Dua, *Buku Teks Sejarah Tingkatan Lima* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2003. Bab ini agak panjang iaitu sebanyak 35 halaman yang bermula pada halaman 27 dan berakhir pada halaman 62. Bab ini yang bertajuk “Nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua” mempunyai dua tajuk kecil iaitu 2.1 Perjuangan Pemimpin Tempatan Menentang British dan 2.2 Gerakan Nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua. Di bawah tajuk kecil 2.1, terdapat pula dua sub tajuk iaitu 2.1.1 Sebab-sebab Penentangan dan 2.1.2 Peristiwa Penentangan Pemimpin Tempatan. Keseluruhannya, tajuk kecil 2.1 merangkumi 16 halaman daripada Bab Dua iaitu dari halaman 29 hingga 44. Perbincangan tidak sekadar dalam bentuk tulisan tetapi disertakan juga dengan grafik berupa lakaran gambar tokoh, carta, peta dan sudut maklumat.

Oleh hal yang demikian, perbincangan kertas kerja ini akan cuba mengupas konten tajuk kecil 2.1 dan dua subtajuknya. Fokus perbincangan saya adalah pada subtajuk 2.1.1 Sebab-sebab Penentangan. Pada akhir kertas ini, saya senaraikan penulisan yang berkaitan untuk membantu guru-guru mendapatkan rujukan tambahan.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Tajuk Kecil 2.1: Perjuangan Pemimpin Tempatan Menentang British

Bahagian ini merupakan pengenalan kepada tajuk tetapi sangat ringkas. Terdapat tiga ayat yang terkandung dalam satu perenggan berjumlah enam baris. Pada hemat saya, apakala memperkatakan tempoh berlakunya gerakan penentangan rentetan daripada kedatangan British ke Malaysia, perbincangan bersama-sama pelajar harus dimulakan dengan suatu latar belakang yang lebih terperinci mengenai kedatangan British. Selain itu, keadaan di negeri-negeri Melayu di ambang kemaraan British juga molek diberikan perhatian. Perkara ini adalah penting untuk memahami tindakan British terhadap negeri-negeri tersebut sehingga membawa kepada penentangan penduduk tempatan pada abad ke-19. Begitu juga halnya dengan kedatangan Brooke di Sarawak dan Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah serta keadaan politik di kedua-dua wilayah.

Para pelajar juga boleh dimaklumkan bahawasanya penentangan penduduk tempatan terhadap kuasa asing bukan bermula pada abad ke-19 bahkan melangkaui abad-abad terkebelakang iaitu sejak pertembungan dengan Portugis pada awal abad ke-16 dan Belanda pada abad berikutnya. Apa yang lebih menarik, negeri-negeri Melayu juga pernah ditempias oleh kuasa Siam sepertimana yang dihadapi oleh Kedah.

Subtajuk 2.1.1: Sebab-sebab Penentangan

Berdasarkan buku teks, subtajuk ini dimuatkan dalam dua halaman iaitu halaman 30 dan 31. Ia dimulakan dengan carta yang memaparkan enam sebab penentangan iaitu dasar penaklukan British, eksploitasi terhadap ekonomi tempatan, pelaksanaan pentadbiran Barat terhadap masyarakat tempatan, campur tangan British dalam adat resam tempatan, pembesar tempatan kehilangan kuasa dan pengaruh dan kesulitan penduduk tempatan. Akhir sekali,

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

penjelasan secara bertulis mengenai sebab-sebab penentangan yang dinyatakan tadi dilakukan dalam enam perenggan.

Secara umumnya, perbincangan dalam subtajuk ini adalah memadai untuk mendedahkan para pelajar tentang aspek yang membangkitkan penentangan penduduk tempatan terhadap British. Pada pandangan saya, terdapat dua cara yang boleh digunakan bagi membincangkan sebab-sebab penentangan berdasarkan kepada isi yang diberikan dalam buku teks. Cara pertama adalah dengan membincangkan setiap satu sebab dan memberikan contoh-contoh dari negeri-negeri yang dipilih. Cara ini selari dengan yang terdapat dalam buku teks. Cara kedua pula adalah dengan memperincikan setiap negeri dan sebab berlakunya penentangan di negeri berkenaan selain memperkenalkan tokoh-tokoh utama yang terlibat. Saya cuba mendekati cara ini kerana saya dapati ianya lebih dekat dengan keadaan di setiap negeri yang memberikan ciri-ciri unik terhadap penentangan yang berlaku. Namun begitu, cara ini mempunyai kelemahan. Kelemahannya terletak pada pertindihan sebab penentangan yang sama antara satu negeri dengan negeri yang lain.

Cadangan Perbincangan Subtajuk 2.1.1

Saya membahagikan struktur perbincangan kepada tiga bahagian, iaitu: a) Pengenalan, b) Pemetaan Kawasan dan Tokoh dan c) Sebab Penentangan.

a) Pengenalan

Dalam memberikan mukaddimah, guru-guru boleh membincangkan subtajuk ini dalam konteks pertembungan antara kepentingan perdagangan Britain dan keadaan di negeri-negeri Melayu.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Sebagai contoh, apabila dinyatakan “Dasar penaklukan British terhadap Negeri-Negeri Melayu bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politiknya,” persoalan yang boleh dilontarkan kepada para pelajar adalah mengapakah penguasaan negeri-negeri Melayu sangat penting kepada British? Persoalan ini dapat dikaitkan dengan dasar British terhadap negeri-negeri Melayu terutama selepas pentadbirannya di Negeri-negeri Selat (yang menjadi nadi pentadbiran British di Tanah Melayu) diuruskan oleh Pejabat Tanah Jajahan mulai 1 April 1867.

Pada dekad 1870-an, dasar British di rantau ini berkisar di sebalik imperialisme Britain di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Kepentingan perdagangan Selat kepada Britain dan pelaburan firma dan orang perseorangan di negeri-negeri Melayu ternyata mendominasi pertimbangan British untuk mengukuhkan kedudukan politiknya. Kepentingan perdagangan Selat dapat dibuktikan melalui surat-menyurat antara Andrew Clarke (Gabenor Negeri-negeri Selat) dan Pejabat Tanah Jajahan pada tahun 1873 dan 1874. Dalam *dispatch* bertarikh 30 November 1873 misalnya, Clarke memohon kebenaran untuk menghantar pegawai bagi mewakili Negeri-negeri Selat ke upacara penabalan Raja Siam. Permohonan ini dilakukan berikutan ramainya pedagang Selat yang terlibat dan mendapat manfaat dalam kegiatan perdagangan yang dikendalikan oleh Bangkok. Pelaburan firma dan orang perseorangan pula menyediakan asas untuk pelaburan modal British di Perak, Pahang, Selangor, Sungei Ujong dan rangkaian perdagangan Sumatera-Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat dalam kalangan firma-firma ini yang terlibat dalam pengendalian perniagaan dengan keluarga pemerintah tempatan sepertimana yang dilakukan oleh Paterson, Simons & Co. Selain itu, W. Mansfield & Co. pula memiliki kepentingan dalam sektor perkapalan di Singapura dan menjadi agen kepada Menteri Larut iaitu Ngah Ibrahim.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Para pelajar juga perlu memahami bahawa peranan yang dimainkan oleh pembuat dasar di Pejabat Tanah Jajahan tidak boleh dipandang enteng. Laporan bertali arus mengenai kekacauan di Larut contohnya membuatkan Setiausaha Tanah Jajahan ketika itu iaitu Earl of Kimberley menjadi gusar kerana ia berupaya merencatkan perdagangan Selat. Hal ini ditambah pula dengan projek komersial melibatkan talian telegraf menghubungkan Burma dan Singapura yang merentasi Semenanjung Tanah Melayu.

Instrumen yang digunakan oleh British untuk menguasai negeri-negeri Melayu turut menarik untuk diteliti. Instrumen yang dimaksudkan adalah perjanjian. British menandatangani sekian banyak perjanjian dengan pemerintah negeri-negeri Melayu sepanjang abad ke-19. Tanpa menafikan kepentingan setiap satu perjanjian tersebut dalam penulisan sejarah Malaysia, terdapat satu perjanjian yang barangkali boleh diperincikan. Perjanjian tersebut adalah Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874. Intipati perjanjian ini sangat dekat dengan keadaan yang berlaku di Perak. Bagi mencapai tujuan ‘menolong raja-raja yang tersebut dan hendak membuat satu penyelesaian yang kukuh bagi perkara-perkara dalam negeri Perak itu’, Fasal 1 hingga 5 Perjanjian dirangkai dengan cantik bagi menunjukkan British mengutamakan kepentingan Perak. Namun begitu, Fasal 6 menyingkap makna sebenar perjanjian digubal. Di bawah fasal ini, penetapan bidang kuasa ‘seorang besar British yang akan dinamai Residen’ diperinci sebelum dilanjutkan dalam Fasal 7, 8 dan 10. Dalam masa yang sama, kuasa British di Perak turut diperjelas dalam Fasal 11 hingga 14. Menariknya, empat perkataan terakhir dalam ayat bagi Fasal 14 berbunyi ‘... dan menjadikan selamat perniagaan’. Di sinilah dapat dibongkarkan motif sebenar British ingin menguasai negeri-negeri Melayu.

Di pihak masyarakat tempatan pula, percanggahan nilai Barat dan tempatan dapat disimpulkan sebagai punca penentangan mereka. Tiga perenggan terakhir di bawah subtajuk 2.1.1 menukilkan contoh-contoh percanggahan tersebut. Penglibatan British dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu ternyata menggugat kuasa, wibawa dan keistimewaan golongan pemerintah di samping menyulitkan penduduk dengan pengenalan pelbagai peraturan dan denda.

Sebelum dibincangkan dengan lebih mendalam sebab-sebab yang membangkitkan penentangan masyarakat tempatan, pemetaan kawasan yang terlibat dalam penentangan itu wajar didahulukan, guna memberi gambaran jelas kepada para pelajar. Dalam hal ini, peta yang disertakan dalam perbincangan buku teks untuk tajuk kecil 2.1 sangat membantu. Tatkala merujuk kepada peta yang berkenaan, para pelajar juga boleh digalakkan menggunakan kemahiran membaca peta dan mengaplikasikan ilmu geografi fizikal. Dengan itu, mereka bukan sekadar mengetahui nama-nama tempat berlakunya kebangkitan dan pertempuran tetapi juga mengetahui bentuk muka bumi, sistem perhubungan dan masyarakat di tempat tersebut. Kaedah sebegini pastinya dapat menarik minat pelajar.

b) Pemetaan Kawasan dan Tokoh

Perbincangan ini hanya memetakan lima kawasan yang dikenal pasti sebagai tempat berlakunya penentangan penduduk tempatan terhadap British. Tidak ada salahnya jika guru-guru ingin memetakan kesemua tempat yang disenaraikan dalam buku teks. Tokoh yang dipilih adalah mereka yang mengetuai penentangan di keenam-enam kawasan tersebut. Sungguhpun demikian, peranan tokoh-tokoh lain turut tidak dipencilkan.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Naning

Naning terletak di bahagian pedalaman utara luar Melaka yang bersempadan antara Rembau dan Melaka. Naning mempunyai 25 buah mukim; 22 terletak di daerah Alor Gajah sementara 3 berada dalam daerah Jasin. Pemimpin gerakan penentangan Naning adalah Penghulu Abdul Said @ Dol Said yang merupakan Penghulu Naning ke-9 yang dilantik pada tahun 1802.

Perak

Antara pemimpin utama gerakan penentangan yang berpusat di Pasir Salak ini adalah ketua Orang Besar Lapan Perak iaitu Orang Kaya-Kaya Maharaja Lela Tun Jana Putera Pandak Limo Machang Lela Tun Mahmud “Pandak Lam” “Pancung Tak Bertanya”.

Kelantan

Pasir Puteh merupakan pusat gerakan kebangkitan penduduk tempatan menentang British di Kelantan. Pekan Pasir Puteh terletak di tebing Sungai Semerak, kira-kira 30 kilometer dari Kota Bharu. Pemimpin gerakan penentangan di Kelantan ini adalah Haji Mat Hassan bin Panglima Munas yang lebih dikenali sebagai “Tok Janggut”.

Terengganu

Pusat gerakan menentang British terletak di Telemong. Pemimpin gerakan penentangan di negeri ini adalah Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Qadir (1868-1929). Ulama Terengganu ini turut tersohor dengan nama Haji Abdul Rahman Limbong.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Sabah

Penentangan terhadap pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Sabah dipimpin oleh Datu Muhammad Salleh bin Datu Balu. Beliau juga dikenali sebagai Mat Salleh.

c) Sebab Penentangan

Naning

Isu yang memunculkan penentangan Naning terhadap British adalah kedudukan wilayah tersebut yang didakwa oleh British sebagai sebahagian daripada Melaka. Dakwaan ini bersandarkan kepada hubungan Naning dengan Portugis dan Belanda sebelumnya. Ketika Portugis menguasai Melaka, Naning menjadi sebahagian wilayah taklukannya tetapi tidak membayar sebarang ufti. Sungguhpun demikian, Naning tidak mengakui pertuanan Portugis. Setelah menguasai Melaka pada 1641, Belanda menetapkan hak-hak pertuanan ke atas Naning. Pada Februari 1680, Perjanjian Naning-Belanda ditandatangani dan salah satu daripada syaratnya adalah Naning dikehendaki membawa 400 gantang padi setahun ke Melaka (menyamai 1/10 hasil tanaman Naning setahun). Pemimpin Naning juga dikehendaki pergi ke Melaka setiap tahun untuk mendapat nasihat dan mengulang pernyataan taat setia.

British mentadbir Naning buat kali pertama pada tempoh 1795-1818 bagi pihak Belanda. Dalam tempoh ini, British pernah memeterai perjanjian dengan Naning (1801) yang mengesahkan Dol Said sebagai Penghulu Naning ke-9 – diberi cop Kompeni Hindia Timur Inggeris dan dikehendaki mematuhi arahan Kompeni. Tahap kedua hubungan British-Naning bermula pada 1825 apabila British menguasai Melaka. Hal ini menyebabkan British menganggap Naning sebagai haknya dan rakyat Naning menjadi rakyat Raja British.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Pentadbiran Naning mulai terganggu ekoran pembayaran cukai 1/10 dan penguatkuasaan undang-undang yang diamalkan di Melaka. British juga masuk campur dalam pentadbiran Naning iaitu mempersoalkan penghakiman Dol Said terhadap kes pembunuhan yang berlaku di Naning, isu perhambaan dan kes rompakan seorang saudagar Cina. Titik tolak campur tangan British di Naning adalah pertikaian status sebuah kebun buah-buahan di Panchor pada Oktober 1830.

Tindakan Dol Said yang mempertahankan hak Naning dalam isu cukai 1/10, kebebasan beliau sebagai Penghulu Naning dan kedegilannya berunding dengan British menyebabkan British mengambil keputusan melanggar Naning kerana dengan jelas, Dol Said menunjukkan penentangannya terhadap British.

Perak

Usai Perjanjian Pangkor, Perak menerima Residen British yang pertama iaitu J.W.W. Birch pada 4 November 1874. Kedatangan Birch mengubah keadaan di Perak di mana kewibawaan dan kekuasaan yang dimiliki oleh sultan dan para pembesar dicabar. Perkara terawal yang dilakukan oleh Birch adalah pengenalan peraturan cukai baharu. Kutipan cukai dipusatkan dan saguhati diberi kepada pembesar yang sebelum ini berkuasa mengutip cukai. Hal ini menimbulkan kemarahan pembesar kerana pungutan cukai dan pendapatan daripadanya adalah adat dan ia bercanggah dengan fasal Perjanjian Pangkor sendiri. Berdasarkan surat daripada Gabenor Clarke bertarikh 22 April 1875, sultan dan pembesar tidak lagi berhak memungut cukai kecuali dengan kebenaran Residen atau Penolong Residen.

British turut mengenakan cukai terhadap hampir semua barangan selain mewajibkan pengambilan surat kebenaran untuk pembinaan kapal (dan yang seumpannya) dan pengambilan kayu di hutan. Setiap seorang lelaki yang berada di Perak yang berusia antara 18-55 tahun pula dikenakan hasil kelamin dengan nilai 2 ringgit untuk 3 orang. Peraturan tanah juga dikuatkuasakan. Tanah yang belum diteroka misalnya merupakan milik kerajaan negeri. British turut mewujudkan persaingan kuasa dengan pembesar tempatan khususnya penghulu melalui penubuhan pasukan polis dan pembinaan balai-balai polis. Para penghulu juga tidak lagi memerlukan keturunan dan tauliah sultan untuk dilantik ke dalam struktur pentadbiran sebaliknya dipilih. Penglibatan Birch dalam soal perhambaan sangat terang-terangan mencabul terma Perjanjian Pangkor yang menegah Residen mencampuri adat Melayu. Ternyata, penglibatan British di Perak bertujuan merampas kuasa, wibawa dan keistimewaan sultan dan pembesar Perak.

Kebimbangan kesan yang tidak baik ke atas orang Melayu dan percanggahan nilai-nilai barat dengan tempatan menyebabkan rancangan disusun untuk menghalau British dari Perak dan membunuh Birch.

Kelantan

Penentangan Tok Janggut bertitik tolak daripada perkembangan yang berlaku dalam pentadbiran Kelantan selepas Perjanjian Bangkok 1909. Pada 22 Oktober 1910, Yang Dipertuan Kelantan mengesahkan perjanjian tersebut yang membawa kepada pelantikan seorang pegawai British sebagai penasihat baginda dan kuasa British untuk campur tangan dalam urusan negeri sekiranya kerajaan gagal mewujudkan keamanan.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Kemerosotan status Ungku Besar Jeram ekoran pengenalan sistem pentadbiran jajahan pada tahun 1904 menyebabkan Tok Janggut menawarkan diri menubuhkan barisan penentang. Selepas 1904, Ungku Besar Jeram hanya menjadi Tok Kweng Muda yang perlu bertanggungjawab kepada Ketua Jajahan Jeram sedangkan beliau merupakan cicit Tengku Perdana Menteri Kelantan yang mengasaskan kerajaan Kelantan.

Pengenalan peraturan-peraturan baharu seperti cukai tanah, tumbuh-tumbuhan dan hasil hutan juga menjadi punca penentangan Tok Janggut. Peraturan-peraturan ini sangat membebankan rakyat kerana sebelumnya cukai dikenakan berdasarkan jumlah hasil yang diperolehi. British juga mewujudkan banci tanah bertujuan menyediakan rekod pemilik, jumlah dan kedudukan tanah, justeru sekiranya rakyat gagal membayar cukai, mereka akan didenda.

Tok Janggut juga sangat terkesan dengan pentadbiran yang dijalankan oleh Pegawai Daerah Pasir Puteh iaitu Che Abdul Latif. Beliau yang berasal dari Singapura melaksanakan bentuk pentadbiran yang keras dan bersikap tidak sopan kepada penduduk khususnya mereka yang berurusan di pejabat daerah. Peristiwa yang berlaku di luar Kelantan turut mempengaruhi perjuangan Tok Janggut iaitu Perang Dunia Pertama dan pengisytiharan jihad oleh kerajaan Islam Turki ke atas Britain serta kekacauan di Singapura pada Februari 1915.

Terengganu

Penentangan yang dipimpin oleh seorang ulama ini tercetus ekoran pengenalan undang-undang baharu oleh pentadbiran British. Selepas Perjanjian Britain-Terengganu ditandatangani pada tahun 1919, seorang Penasihat British dilantik di Terengganu. Beliau melaksanakan beberapa peraturan baharu dalam pentadbiran Terengganu yang bercanggah dengan amalan dan nilai-nilai tempatan. Antara peraturan tersebut adalah larangan memburu binatang liar yang keingkarannya boleh menyebabkan pengenaan denda sebanyak 500 ringgit dan perampasan senapang – Undang-undang Kawalan Binatang Buas, 1923. Penduduk juga diwajibkan membuat pendaftaran tanah untuk membolehkan mereka mendapat surat hak milik – Peraturan Tanah, 1924. Selain itu, mereka juga perlu mendapatkan surat kebenaran atau membayar cukai sekiranya mahu mengambil hasil hutan, membuka tanah untuk berhuma atau membina petempatan.

Kedadaan ini menyebabkan timbul perasaan tidak puas hati penduduk khasnya mereka yang berada di kawasan pedalaman. Haji Abdul Rahman Limbong sangat berperanan dalam membangkitkan perasaan menentang peraturan British yang disifatkan sebagai peraturan kafir.

Sabah

Mat Salleh mewarisi pentadbiran di Sungai Sugut daripada ayahnya (bekas Ketua Sulu di Sungai Sugut) dan melaksanakan kuasa di kawasan tersebut mulai tahun 1894. Kedudukan beliau tercabar apabila Kompeni Berpiagam Borneo Utara memperkenalkan cukai kepala dan surat kebenaran perahu yang dianggapnya sebagai pencerobohan terhadap hak masyarakat tempatan.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Apabila Kompeni mendirikan sebuah pusat cukai di Pulau Jambongan pada tahun 1894, ia dianggap oleh Mat Salleh sebagai tindakan untuk mengawal cukai perdagangan di kawasan itu. Tindakan Kompeni yang tidak menghiraukan keinginan Mat Salleh untuk berunding mengenai isu cukai kepala dan surat kebenaran perahu turut menyebabkan beliau kecewa kerana Kompeni kelihatannya tidak mempedulikan permasalahan penduduk. Penentangan Mat Salleh terhadap Kompeni tercetus kerana keengganan beliau akur dengan perintah Kompeni. Pertempuran dengan Kompeni tidak dapat dielakkan tatkala Mat Salleh mengetahui rancangan penubuhan pusat pentadbiran di Tambunan yang dianggap mencabul haknya dalam Perjanjian April 1898.

Subtajuk 2.1.2: Peristiwa Penentangan Pemimpin Tempatan

Perbincangan di bawah subtajuk ini memakan sebanyak 13 halaman iaitu dari halaman 31 hingga halaman 44. Perbincangan bertulis disertakan dengan lakaran pelukis mengenai tokoh, insiden pertempuran, peta, jadual dan sudut maklumat. Perbincangan dimulakan dengan memerihalkan penentangan oleh Dol Said di Naning sebelum diikuti dengan Linggir, Rentap, Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur di Sarawak; Mat Salleh di Sabah; Dato' Maharaja Lela di Perak; Yam Tuan Antah di Seri Menanti dan Dato' Syahbandar Sungai Ujong; Dato' Bahaman di Pahang; Tok Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu. Peristiwa penentangan ini pula disusun berdasarkan kronologi dengan yang paling awal di Naning dan diakhiri dengan Terengganu.

Secara peribadi, saya berpandangan bahawa terlalu banyak peristiwa penentangan yang perlu diingati oleh pelajar seperti tempat penentangan, tokoh tempatan dan asing yang terlibat dan tarikh-tarikh penting. Selain itu, sebab-sebab penentangan turut dimuatkan, ironinya, sekali lagi, pada bahagian ini.

Walau bagaimanapun, guru-guru boleh membantu pelajar mendekati skop yang sangat luas ini dengan membincangkannya secara tematik. Antara tema yang dapat saya sarankan adalah seperti berikut:

a) Strategi penentangan

Guru-guru boleh meminta pelajar menyenaraikan apakah strategi yang digunakan oleh masyarakat tempatan dan kuasa asing dalam pertembungan dan pertempuran. Contohnya, apakah faktor alam seperti bentuk muka bumi memberi kelebihan dan kekurangan kepada kedua-dua pihak? Apakah pertempuran berlaku secara bersemuka atau secara gerila?

b) Persenjataan

Tema ini juga menarik. Pelajar akan dapat membuat perbandingan jenis-jenis senjata yang digunakan oleh kedua-dua pihak.

c) Kesan penentangan

Di bawah tema ini, sejauh manakah penentangan yang dilancarkan oleh masyarakat tempatan mencapai matlamatnya? Apakah yang dilakukan oleh kuasa asing bagi menangani penentangan? Apakah pengakhiran yang terjadi?

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Kesimpulan

Topik 2.1 Perjuangan Pemimpin Tempatan Menentang British sangat penting untuk difahami oleh pelajar kerana ia merupakan asas kepada perkembangan nasionalisme di Malaysia pada tahap yang berikutnya. Walaupun perbincangan melibatkan skop yang sangat luas dan pelajar perlu mengingati banyak perkara namun jika mereka didedahkan dengan cara-cara yang bersesuaian untuk mendekati subtajuk ini maka ia akan menjadi suatu aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan.

Cadangan Bacaan Tambahan

Abdullah Zakaria Ghazali, 'Kemunculan Keluarga Pemerintah Baru dalam Kerajaan di Tanah Melayu 1600-1900: Suatu Tinjauan Awal', *Monograf Sejarah*, No. 1, 1984/1985.

Abdullah Zakaria Ghazali, 'Pribumi dan Penjajah: Gerakan Tentangan di Malaysia', *Malaysia dari Segi Sejarah*, Bil. 23, 1995.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997.

Abdullah Zakaria Ghazali, *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996.

Ahmad Boestaman (penterjemah), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2003.

Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y., *A History of Malaysia*, Second Edition, Houndmills: Palgrave Publishers Ltd., 2001.

Andaya, Barbara Watson & Andaya, Leonard Y., *Sejarah Malaysia*, Hong Kong: The Macmillan Press Ltd., 1983.

Andaya, Barbara Watson dan Andaya, Leonard Y., *A History of Malaysia*, London: The MacMillan Press Ltd., 1982.

Anderson, John, *Political Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*, Singapore: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1965.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Bassett, D.K., *British Trade and Policy in Indonesia and Malaysia in the Late Eighteenth Century*, Hull Monographs on Southeast Asia No. 3, London: University of Hull, 1971.

Cave, Jonathan, *Naning in Melaka*, Monograf MBRAS No. 16, [t.t].

Chai Hoon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967.

Cowan, C.D., *Tanah Melayu Kurun Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

Datu Paduka Mat Salleh Pahlawan Sabah (Hero of Sabah) (1894-1900), Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, 2009.

Emerson, R., *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1964.

Gullick, J.M., *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, Singapore: Oxford University Press, 1991.

Gullick, J.M., *Rulers and Residents: Influence and Power in the Malay States 1870-1920*, Singapore: Oxford University Press, 1992.

Gullick, J.M., *Sistem Politik Bumiputera Negeri-negeri Barat Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

Khoo Kay Kim, *Malay Society: Transformation and Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1991.

Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1984.

Khoo Kay Kim, 'The Origins of British Administration in Malaya', *JMBRAS*, Vol. 39, Pt. 1, 1966.

Loh Fook Seng, Philip, *The Malay States 1877-1895*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.

Mills, L.A., "British Malaya 1824-67", *Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, Vol. XXXIII, Part 3, 1960.

Milner, Anthony, *Kerajaan: Budaya Politik Melayu di Ambang Pemerintahan Kolonial*, Edisi Kedua, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2016.

Mohamad Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800-1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications & Distributions Sdn. Bhd., 2002.

Deraf sahaja. Tidak dibenarkan memetik mana-mana bahagian dalam kertas kerja ini

Mohd. Arof Ishak, *The Malay Civilization*, Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society, 2007.

Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut Pejuang atau Penderhaka?*, Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Parkinson, C.N., *British Intervention in Malaya 1867-1877*, Singapore: University of Malaya Press, 1960.

Roff, W.R., *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967.

Sadka, E., *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1968.

Sidhu, Jagjit Singh, *Administration in the Federated Malay States 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.

Sindhu, K.S. & Wheatley, P., *Melaka: The Transformation of Malay Capital, c1400-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983.

Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

Tarling, N., *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-71*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969.

Thio, E., *British Policy in the Malay Peninsula 1880-1910*, Vol. 1, Singapore: Oxford University Press, 1969.